

04/11/2003

Anak Ahli Parlimen cedera dibelasah senior

Fazli Abdullah

PUTRAJAYA: Anak lelaki seorang Ahli Parlimen berusia 16 tahun dicerderakan

sekumpulan lima pelajar senior dalam satu pergaduhan di sebuah sekolah menengah di sini.

Dalam kejadian kira-kira jam 1.15 tengah hari, Khamis lalu itu, pelajar

tingkatan empat itu cedera ringan di badan dan dihantar ke Hospital Putrajaya untuk rawatan.

Lima pelajar senior yang terbabit dalam kejadian itu kini menduduki peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) yang bermula semalam.

Mereka dikatakan anak kakitangan kerajaan yang berkhidmat di Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di sini.

Difahamkan, mangsa yang dalam perjalanan pulang, kembali ke kelas untuk mengambil dompetnya.

Apabila tiba di tangga sekolah, dipercayai berlaku cabar mencabar antara mangsa dengan sekumpulan pelajar senior, sebelum tercetus satu pergaduhan.

Ketua Bahagian Siasatan Jenayah Putrajaya, Asisten Superintendan Halimahtun Ahmad, ketika dihubungi mengesahkan kejadian itu.

Katanya, polis juga mengenal pasti identiti pelajar yang terbabit dalam kes itu.

"Kita sudah mengambil kenyataan semua yang terbabit dan siasatan masih diteruskan," katanya.

Difahamkan, ibu mangsa membuat laporan kejadian itu di Balai Polis Putrajaya. Polis mengklasifikasikan kes itu sebagai merusuh mengikut Seksyen 147 Kanun Keseksaan.

Ini kerana laporan awal mendakwa antara 15 hingga 20 pelajar terbabit dalam kes itu.

Bagaimanapun, selepas siasatan, polis mendapati hanya enam pelajar terbabit dalam kejadian itu, sekali gus mengklasifikasikan semula kes berkenaan kepada mendatangkan kecederaan mengikut Seksyen 323 Kanun Keseksaan.

Kira-kira tiga jam sebelum kejadian, pelajar sekolah itu menghadiri perhimpunan khas bagi menghargai bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad di padang sekolah.

Sementara itu, pengetua sekolah berkenaan ketika dihubungi enggan mengulas dan menyifatkan kes itu selesai.